

## FAKTOR DAN PERANAN INSTITUSI KELUARGA DALAM MENCEGAH SALAHLAKU DAN DEVIAN DALAM KALANGAN REMAJA

---

<sup>1</sup>**Faridah Saleh**

<sup>2</sup>**Zurina Ahmad Saidi**

<sup>1</sup>Faculty of Applied Social Sciences, Open University Malaysia

<sup>2</sup>Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

---

### Abstrak

*Salahlaku dan devian dalam kalangan remaja adalah isu-isu dan masalah sejagat kerana ia bukanlah satu fenomena baru. Kewujudannya berlaku di semua negara tanpa mengira taraf kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, kertas kerja ini membincangkan faktor-faktor yang mendorong remaja bertingkahlaku negatif dengan melihat institusi kekeluargaan sebagai faktor utama. Di samping itu juga, kajian melihat kepada hubungan antara salahlaku-salahlaku dan devian dengan persekitaran keluarga. Seterusnya, kajian juga turut meninjau isu-isu yang berlaku di sebalik persekitaran keluarga dengan melihat kepada peranan institusi keluarga yang pelbagai yang boleh membendung gejala salahlaku dalam kalangan remaja daripada merebak dan berleluasa. Beberapa cadangan dicadang untuk membendung, membentuk dan mencegah salahlaku devian dalam kalangan remaja.*

*Keywords:* *Salahlaku dan devian, faktor pendorong, peranan ibu bapa, institusi sekolah*

---

### PENGENALAN

Remaja hari ini merupakan salah satu asset kepada pentas pembangunan Negara iaitu penentu kepada jatuh bangunnya generasi dan pentadbiran masa hadapan. Hal ini bersesuaian dengan pepatah yang menyatakan '*bagaimana contoh begitulah gubahannya*' yang membawa maksud keadaan sesuatu itu menurut asalnya. Namun begitu, kini isu remaja dan masalah-masalah yang dibawa semakin menular di Media Massa mahupun media cetak. Pelbagai isu yang diperkatakan tentang kerakusan remaja untuk meneroka sesuatu yang baru dengan pelbagai aktiviti yang kurang sihat yang diperkenalkan oleh remaja yang seharusnya menjadi tunjang harapan kepada pembangunan Negara suatu masa nanti. Kerosakan akhlak dan perlakuan salah laku dalam kalangan remaja semakin meruncing dan meningkat setiap tahun (Maizatul Akmam 2007). Oleh hal yang demikian, adakah mereka seharusnya dipertanggungjawabkan dalam permasalahan-permasalah yang diwujudkan ini?

WHO mendefinisikan remaja (*adolescence*) dari umur 10 tahun sehingga 19 tahun, manakala masa muda (*youth*) di takrifkan berumur dari 15 tahun sehingga 14 tahun. Menurut *Child and Adolescence Health and Development* (CAH) mengklasifikasikan

remaja kepada tiga peringkat iaitu remaja awal (10-14 tahun), remaja pertengahan (15-17 tahun) dan remaja akhir (18-19 tahun). M. Jamsiah dan H. Hazlinda (2009) menyatakan 1.2 bilion remaja di dunia yang mana seorang dari 5 orang di dunia terdiri daripada remaja. Manakala menurut Shamsaadal dan Abdullah (2006) mendefinaskan remaja adalah individu yang berkebolehan untuk menggunakan simbol-simbol, abstraksi dan mempunyai strategi-strategi penyelesaian masalah dalam pemikiran.

Menurut Azyyati et al. (2013) remaja berisiko adalah remaja yang terlibat dalam pelbagai jenis salah laku yang menyimpang dan bertentangan dengan norma dan nilai yang dipersetujui oleh masyarakat. Keadaan berisiko tidak semestinya berlaku sekarang namun boleh dijangka dan diramal akan berlaku sekiranya tiada intervensi menyeluruh yang dilaksanakan.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1997) menekankan peranan persekitaran dalam pembentukan peribadi manusia. Bandura berpendapat, kanak-kanak dan remaja banyak belajar melalui peniruan. Oleh hal yang demikian, tingkahlaku remaja terhasil akibat daripada pengalaman, asuhan malah mengikut kehendak ibu bapa dan masyarakat. Proses sosialisasi yang kurang sempurna serta tingkahlaku menyeleweng dan perubahan-perubahan dalam masyarakat menghasilkan perubahan dalam persepsi terhadap masyarakat.

Richard dan Carol (2000) menjelaskan perkembangan moral remaja adalah melalui pemerhatian dan pertanyaan. Remaja mengeksplorasi perkembangan moral mereka melalui persekitaran dan pemerhatian sepanjang masa. Oleh hal yang demikian, tingkahlaku positif daripada persekitaran digalakkan agar penilaian moral remaja dapat mempengaruhi tingkahlaku seseorang remaja.

Pelbagai tafsiran dan label yang diberikan kepada remaja yang melakukan jenayah delikuensi seperti jenayah delikuensi merupakan mereka yang melanggar norma dan masyarakat setempat (Azizi & Rosnah 2007). Menurut Haslina (2002) menyatakan ia merupakan tindakan-tindakan ganas yang dilakukan oleh remaja dan diwarisi dari remaja lebih tua kepada remaja yang lebih muda.

Cohen (t.t) menyatakan delikuen merupakan kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstiutikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesebuah sistem sosial. M.B Clinard Sociology dalam *Deviant Behaviour* menjelaskan bahawa devian membawa maksud tingkahlaku yang melanggar norma-norma dalam sesebuah institusi sekolah. Ia juga dikenali sebagai disiplin. Namun begitu, disiplin sering dirujuk sebagai masalah pelajar atau salah laku pelajar.

Pendedahan demi pendedahan tentang isu dan masalah remaja didedahkan dan ia semakin membuka minda dan tanggapan masyarakat serta telah menjadi bahan perbincangan penting Negara untuk diselesaikan. Samsudin (1994) menjelaskan isu remaja bermula dengan isu budaya lepak dalam kalangan remaja pada tahun 1993, seterusnya timbul isu-isu lain seperti gadis bohsia, pembuangan bayi, budaya punk, budaya metal dan lain-lain budaya diperkenalkan oleh golongan remaja khususnya remaja bandar. Seterusnya isu-isu lain semakin hangat diperkatakan setelah remaja

semakin berani untuk meneroka tingkahlaku devian yang bersifat agresif dan mendatangkan kesan buruk seperti penagihan dadah dan HIV.

Masalah sosial yang dicetuskan oleh golongan remaja boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu jenayah delikuensi ringan dan berat. Antara jenayah delikuensi ringan adalah ponteng kelas dan sekolah, melawan guru serta membuli. Manakala jenayah delikuensi berat adalah penyalahgunaan dadah, merompak, membawa senjata berbahaya, menceroboh, mengancam dan serangan seksual, HIV dan Aids.

Percanggahan pendapat seringkali berlaku di antara golongan dewasa dengan remaja. Masing-masing dilihat tidak dapat bertolak ansur di antara satu sama lain sehingga mencetuskan perselisihan faham yang membawa kepada perasaan benci, dendam dan marah. Hal ini kerana remaja yang bersifat ingin mengetahui sentiasa mempersoalkan siapa betul dan siapa salah yang seringkali menjadi tanda tanya oleh golongan remaja.

Seterusnya, golongan remaja sentiasa menagih kebebasan dalam membuat keputusan serta menginginkan pandangan dan pendapat mereka diterima sebagai insan yang sudahmatang dalam menentukan perancangan masa hadapan sekaligus menerima mereka sebagai sebahagian daripada golongan dewasa yang dihormati dan diterima dalam komuniti. Namun begitu, remaja pada peringkat awalnya tidak mempunyai kekuatan mental dalam menyelesaikan masalah dan sering lari daripada menerima kenyataan. Menurut Rohani (2006), remaja semakin mengalami tekanan hidup kerana isu-isu yang seringkali dibangkitkan oleh masyarakat. Akhirnya, akibat daripada tekanan yang sering ditolak oleh masyarakat dan persekitaran, mereka menterjemahkan tekanan itu ke dalam bentuk tingkahlaku.

Tingkahlaku remaja khususnya semakin mencabar dengan pelbagai masalah di dalam negara. Kini, media Massa mahupun media elektronik seringkali memaparkan dan menggambarkan keruntuhan moral dalam kalangan remaja di semua peringkat menerusi tingkahlaku-tingkahlaku negative seperti perlakuan seks bebas. Kehamilan luar nikah, kesalahan juvana, pembuangan bayi, penagihan dadah, HIV dan AIDS serta lain-lainnya yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Salahlaku dalam kalangan remaja dilihat semakin serius sehingga mengakibatkan anak-anak remaja hilang pertimbangan dalam membuat keputusan, menerima pendapat dan pandangan orang lain malah menunjukkan sikap-sikap negatif kepada masyarakat umum. Oleh hal yang demikian, kajian melihat kepada tiga faktor utama iaitu agama, institusi sekolah dan juga institusi kekeluargaan sebagai faktor pendorong utama kepada peningkatan salahlaku remaja kini.

## **AGAMA**

Pembangunan remaja dalam memperkasakan akhlak dan jati diri semakin ditinggalkan dengan kebangkitan delikuensi jenayah dalam kalangan remaja masa kini. Pengetahuan dan didikan agama yang tidak sempurna memberi ruang kepada remaja untuk terjebak dalam gejala sosial yang tidak sihat dan merosakkan akhlak dan minda remaja (Fauziah et al. 2012).

Pegangan agama dalam diri seseorang individu membentuk keperibadian dan ketramplinan diri yang baik. Pentingnya nilai keagamaan ini adalah untuk memandu seseorang ke arah kehidupan yang lebih sejahtera. Secara relatifnya seseorang yang mempunyai pegangan agama yang longgar mudah terjerumus ke arah masalah sosial yang wujud. Menurut Zulkifly (2006) menyatakan wujudnya masyarakat hari ini yang kurang kesedaran terhadap kepentingan agama sama ada dalam kalangan ibu bapa atau masyarakat umum.

Seterusnya, ibu bapa yang tidak mementingkan perihal keagamaan serta mengabaikan ajaran agama seperti solat, berpuasa, bersedekah dan lain-lain dalam keluarga juga membawa kepada peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan anak-anak remaja. Hal ini dibuktikan oleh [Phares dan Compas \(1992\)](#) menyatakan kurangnya ajaran agama dalam sistem kekeluargaan menyumbang kepada masalah tingkah laku. Oleh hal yang demikian, anak remaja tidak mempunyai asas agama dan pemahaman yang lemah tentang peri pentingnya nilai agama dalam kehidupan sehari-hari.

### **FAKTOR SEKOLAH**

Sekolah merupakan sebuah komuniti yang menjadi sebahagian masyarakat manakala pendidikan merupakan proses pembelajaran secara beransur-ansur dan berskala serta mempunyai definisi yang pelbagai dan makna yang luas. Pendidikan membolehkan seseorang individu mempelajari sesuatu ilmu untuk merubah diri kepada yang lebih baik lagi.

Kredibiliti guru dan peranan di bilik darjah. Kini, guru mempunyai pelbagai tanggungjawab pelajar bukan sahaja dengan mengajar, malahan begitu banyak tugas yang diberikan kepada guru sehingga mengabaikan aspek-aspek lain. Menurut Amir (2002), seorang guru seharusnya menjadi contoh kepada pelajar. Antarnya adalah dengan membawa satu perwatakan yang baik serta nilai-nilai murni. Hal ini demikian kerana pelajar menganggap guru sebagai idola. Apabila guru memberi gambaran yang kurang baik serta contoh negatif kepada pelajar, pelajar mewarisi ciri-ciri guru tersebut. Sebagai contoh ketara adalah isu merokok. Adalah tidak wajar bagi seorang guru mengenakan tindakan tata tertib kepada pelajar yang merokok sedangkan guru tersebut merokok dan mengamalkan.

Sekolah dan persekitaran yang tidak sihat seperti rakan sebaya yang bertindak sebagai tempat untuk mencurahkan masalah dan berkongsi kegembiraan serta sebagai pengganti ibu bapa merupakan faktor kepada pergelutan dalam jiwa remaja. Kebiasaanannya remaja memilih rakan sebaya yang mempunyai persamaan tingkah laku, sikap dan identiti dengan sifat semulajadi remaja tersebut (Hoffman 1996).

Menurut Abdullah et al. (2001) menyatakan dalam buku *The Major Disciplinary Problems Among Secondary Schools Students* menjelaskan tentang beberapa masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah yang didapti akan mengganggu dan mengurangkan prestasi pendidikan pelajar di sekolah. Antara yang dilaksanakan untuk mengenalpasti masalah salah laku dan disiplin dalam kalangan pelajar sekolah adalah

dengan membuat permerhatian ke atas tingkahlaku pelajar di dalam kelas, persekitaran sekolah, proses pembelajaran dan pengajaran serta selepas waktu persekolahan.

Seterusnya, salahlaku devian dalam kalangan remaja sekolah dilihat membabitkan soal pembelajaran di sekolah. Kebiasaanya, pelaku devian dicirikan sebagai mereka yang mempunyai masalah disiplin diri, mempunyai masalah dalam pembelajaran, tidak bersedia untuk mendapatkan pendidikan mempunyai peratus yang tinggi untuk tercicir dalam bidang akademik. Oleh hal yang demikian, jelas menunjukkan golongan remaja yang berisiko melakukan salahlaku dan devian adalah golongan yang mempunyai kepayahan dalam penyesuaian diri dalam dunia pembelajaran.

### ***INSTITUSI KEKELUARGAAN***

Pembentukan perlakuan dan tingkahlaku remaja sebenarnya tidak timbul secara semulajadi. Menurut Bronfenbrenner (1997) menyatakan secara **ekologikal sistem** persekitaran seperti persekitaran rumah, sekolah dan rakan sebaya, persekitaran pekerjaan ibu bapa, toleransi antara kekeluargaan, sekolah, komuniti yang mempengaruhi perkembangan sepanjang hayat terutamanya perkembangan tingkahlaku malah sifat-sifat lain pada peringkat kanka-kanak dan remaja. Oleh itu, kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak remaja menjelaskan masa depan mereka serta membuka ruang kepada anak-anak terlibat dalam gejala-geljala sosial dan tidak mampu membentuk diri mereka menjadi orang yang beragama dan berwawasan.

Kepincangan institusi kekeluargaan menjadi asas kepada kewujudan masalah-masalah sosial dalam kalangan dalam kalangan remaja terutamanya tingkahlaku devian. Penyataan ini disokong oleh Azyyati (2013) menyatakan remaja yang berpotensi dalam salah laku remaja dan devian adalah daripada berlatar belakangkan **sistem keluarga yang tidak berfungsi**. Hal ini demikian kerana perubahan-perubahan tingkahlaku individu dalam keluarga tidak berjalan lancar. James Becker (t.t) mengatakan ketidakseimbangan disiplin sesebuah keluarga menyebabkan anak-anak tidak dapat mewujudkan pengawalan diri yang sempurna.

Menurut azizi et al (t.t) menjelaskan nilai kekeluargaan yang semakin pudar dan rapuh dalam kalangan masyarakat. **Nilai kekeluargaan** adalah aspek penting kerana ia merupakan pembesaran dan perkembangan emosi kanak-kanak dan remaja. Namun demikian, perubahan cara hidup hari ini mendokong keputusan ibu bapa hari ini untuk membiarkan anak-anak membesar di tangan orang lain tanpa perhatian khusus dan sewajarnya daripada ibu bapa itu sendiri.

Seterusnya menurut Mohamad Faizal et al. (2014) tingkahlaku negative dalam kalangan remaja disebabkan oleh **konflik dan tekanan psikologi** yang dibentuk oleh system kekeluargaan. Anak remaja gagal melihat keluarga sebagai satu persekitaran yang sihat dan boleh membahagiakan mereka. Hal ini demikian adalah kerana kurangnya gangguan interaksi yang berkesan menyebabkan jiwa remaja memberontak dan boleh mendorong mereka bertingkahlaku negatif. Ibu bapa yang sering bertengkar antara satu sama lain akan menyebabkan suasana rumah kurang aman.

Tugas ibu bapa belum berakhir walaupun anak-anak meningkat usia. Tanggungjawab menjadi semakin berat kerana anak-anak pada peringkat ini inginkan layanan seperti orang dewasa, inginkan identiti dan keperibadian sendiri, kebebasan dalam bergaul dengan masyarakat luar. Keluarga yang mempunyai jalinan kekeluargaan dan hubungan yang positif membesarkan remaja yang mempunyai kecenderungan dalam menjadikan hubungan kekeluargaan yang baik dan positif. Sekiranya kurang **pemantauan dan penglibatan ibu bapa** dalam memotivasi anak-anak dalam pembelajaran tidak diberikan perhatian yang serius membuka risiko anak-anak berkelakuan devian.

Faktor pembentukan remaja bermasalah dan delikuensi adalah kerana remaja yang **dikelilingi persekitaran negatif**. Remaja yang sering dikawal ketat, dicemuh, seringkali dibanding-bandingkan dengan adik-beradik yang lain, kurang mendapat perhatian, diperkecilkan pandangan dan penghargaan mudah memberontak dan dipengaruhi oleh persekitaran luar. Menurut Hart & Hilton (1988), kurangnya kasih sayang dalam sistem kekeluargaan mengundang kepada kerapuhan dalam ikatan emosi dan perlakuan salahlaku dalam kalangan anak-anak.

Menurut Zainudin dan Norazmah (2011), terdapat juga **ibu bapa yang bersikap pilih kasih** terhadap anak-anak. Oleh hal yang demikian, anak-anak remaja yang merasa dipinggirkan mengambil jalan mudah dengan melakukan perkara yang tidak elok untuk melepaskan kekecewaan selepas merasakan mereka tidak disayangi oleh kedua ibu bapa mereka. Di samping itu juga, ibu bapa sering membeza-bezakan serta memberi sokongan dan pujian kepada anak yang disukai.

Seterusnya, kurangnya perhatian daripada ibu bapa kerana **kesibukan kerja** menyukarkan toleansi antara ibu bapa dan anak-anak. Modernisasi dan kesibukan ibu bapa dalam menjana pendapatan keluarga boleh menjelaskan hubungan sesama ahli keluarga sehingga mencetuskan masalah dan sistem kekeluargaan yang tidak sejahtera (Khadijah 2012). Menurut Azzyati (2013), remaja berisiko dalam melakukan tingkahlaku devian adalah remaja yang mempunyai latar belakang keluarga yang tidak berfungsi, golongan keluarga yang mempunyai status sosio ekonomi yang rendah dan mengalami masalah dalam arus pendidikan akademik dan berpunca daripada sistem pemikiran yang tidak rasional. Manakala menurut Arief dan Wardah (2006) menjelaskan latar belakang keluarga yang menjadi faktor remaja bertingkahlaku devian adalah disebabkan oleh pendapatan rendah dan membesarkan anak dalam keadaan terbiar.

**Sikap ibu bapa** juga merupakan salah satu penyebab kepada timbulnya masalah sosial dalam kalangan remaja. Ibu bapa kini amat sensitif dan terlalu memanjakan anak-anak sehingga mengabaikan tanggungjawab dan sanggup mengadaikan kepentingan anak sendiri tanpa disedari. Ibu bapa yang gagal merancang dan mewujudkan situasi harmoni dalam keluarga memberi impak yang besar walaupun dilihat dari segi mata kasar ia sesuatu perkara yang mudah (Mohamad Faizal et al. 2014).

**Penekanan agama dan nilai moral keluarga** memastikan kesejahteraan mahupun kepincangan dalam sistem kekeluargaan. Sekiranya sesbuah keluarga tidak berpegang teguh kepada agama sebagai landasan kehidupan, kepincangan pasti berlaku. Hal ini

disokong oleh Khadijah et al. (2012) menyatakan antara elemen yang menyebabkan remaja melakukan salah laku dan devian adalah kerana mengabaikan solat walaupun telah mendapat pesanan dan nasihat. Terdapat juga kedua ibu bapa yang tidak menekankan perlaksanaan solat dalam kehidupan sehari-hari. Malahan, terdapat juga ibu bapa itu sendiri yang tidak mendirikan solat serta tidak menghukum atau mengambil tindakan ke atas anak-anak yang tidak mahu mengerjakan solat.

Aplikasi ilmu **agama** antara ibu bapa dan anak-anak remaja yang kurang mendedahkan kepada keruntuhan akhlak moral dan etika kekeluargaan. Menurut Dzulhilmi et al. (2014), agama sebagai satu gerakan kuasa yang paling kuat dalam aktiviti manusia, sama ada secara individu atau sosial. Keruntuhan sistem kekeluargaan juga dikatakan berpunca daripada kurangnya didikan agama. Hal ini demikian kerana agama dijelaskan segai faktor pelindung kepada remaja dari melakukan tingkah laku yang menyalahi undang-undang. Kenyataan ini disokong oleh McCullough & Willoughby (2006), remaja yang berpegang teguh pada agama berpotensi mengatur kehidupan dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera.

Kajian barat mendapati **agama** berupaya bertindak sebagai faktor pelindung. Hal ini disokong oleh Stylianou (2004) yang mendapati bahawa seorang remaja yang mempunyai kepercayaan agama yang tinggi kurang terdedah kepada aktiviti yang tidak berakhhlak. Kogan et.al (2004) menyokong dengan menyatakan bahawa dengan ketinggian agama dan pengaplikasian dalam kehidupan sehari-hari menghalang remaja mahupun seseorang individu dari melakukan perkara yang bertentangan dengan norma dan nilai-nilai masyarakat termasuklah terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah dan lain-lain masalah jenayah delikuen.

**Keluarga yang bercerai berai** juga punca mencetus kepada remaja yang beremosi, beringkah laku devian malah sentiasa membuat masalah. Hal ini disokong oleh Calhoun et al. (1993) menjelaskan rumah tangga yang bercerai berai serta ibu tunggal lebih mudah menyebabkan anak-anak remaja beringkah laku delikuen berbanding dengan anak-anak remaja yang dating daripada keluarga yang normal. Rata-rata anak-anak remaja bermasalah datangnya daripada keluarga yang tidak bahagia dan kucar kacir serta mempunyai masalah peribadi yang membawa kepada tingkah laku negatif.

**Komunikasi tidak berkesan** terjadi punca daripada ibu bapa yang tidak meluangkan masa dengan anak-anak. Ibu bapa yang sibuk bekerja boleh menyebabkan hubungan anatara anak dengan ibu bapa renggang. Hal ini adalah berikutan masa yang diluangkan oleh ibu bapa kepada anak-anak adalah terhad dan terbatas. Oleh hal yang demikian, anak-anak lebih suka menghabiskan masa bersama rakan-rakan dan ia boleh mendorong kepada kemerosotan akhlak sekiranya mempunyai rakan-rakan yang bersosial.

Ibu bapa yang **tidak mengambil bahagian dalam pembesaran anak-anak** tidak dapat menyelami perasaan dan keinginan anak-anak remaja mereka yang ingin mencuba perkara-perkra yang tidak pernah mereka alami. Peringkat remaja dikatakan peringkat dimana remaja mempunyai perasaan ingin tahu yang tinggi (Zainal dan Sharani 2006). Keadaan ini membuatkan remaja ter dorong untuk mencuba dan melakukan sesuatu yang

baru. Oleh hal yang demikian, perasaan ingin tahu mendorong mereka melakukan apa sahaja tanpa memikirkan tentang baik buruknya tindakan yang dilakukan tersebut.

## **PERANAN KELUARGA DALAM MENCEGAH TINGKAHLAKU REMAJA**

### **ASPEK PENDIDIKAN**

Pendidikan agama terutamanya pencetus kepada perkembangan dan kehidupan kekeluargaan yang lebih baik lagi. Hal ini dosikong oleh Wallace et al (2007) menyatakan faktor pelindung dari sudut pegangan agama amat diperlukan oleh remaja kerana kumpulan ini berada di peringkat pembesaran dan pencarian identiti. Pendidikan yang baik merubah individu bukan sahaja dari sudut pendidikan kendiri, malah perubahan dari sudut ekonomi, sosial dan politik seseorang remaja. Dengan pendidikan, ia akan membentuk remaja yang berintegriti, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat (Falasafah Pendidikan Kebangsaan).

Ibu bapa perlu mempunyai pegangan agama yang kukuh untuk mendidik anak-anak dari aspek keagamaan supaya mereka kenal baik buruknya sesuatu perlakuan dengan memberikan kata-kata ransangan dan nasihat serta tunjuk ajar kepada anak-anak. Ibu bapa yang dapat membantu anak-anak memperolehi pendidikan yang cemerlang membentuk anak remaja yang mempunyai sikap positif, mudah bergaul dengan masyarakat, aktif, rajin belajar dan mudah dibawa berunding. Menurut Zaleha (1995), ibu bapa yang bertanggungjawab meletakkan asas-asas nilai murni dan pembentukan konsep diri dalam kalangan anak remaja membentuk kepada tingkahlaku positif.

Oleh hal yang demikian, ibu bapa perlu meningkatkan penghayatan anak-anak terhadap aspek keagamaan kerana dengan itu membentuk kepada nilai-nilai murni, motivasi, melatih anak-anak remaja cara bersopan, perinsip-prinsip seperti menepati masa, berketrampilan serta menunjukkan keperibadian yang mulia. Antaranya dengan bersifat mulia, amanah, sanggup menerima kelebihan dan kelemahan diri sendiri serta beriltizam untuk meningkatkan kelemahan yang ada dengan menerokai potensi-potensi yang ada dalam diri anak-anak.

### **ASPEK HUBUNGAN SOSIAL**

Ibu bapa merupakan ejen sosialisasi yang paling penting kepada remaja sebelum dipengaruhi oleh ejen sosialisasi yang lain. Menurut Mohamad Ali (2004), ibu bapa memainkan peranan penting dalam pendidikan anaak-anak.

Seringkali dinyatakan bahawa ibu bapa merupakan pendorong utama dalam menentukan kejayaan anak-anak. Hal ini demikian kerana sifat ibu bapa adalah merek yang sentiasa memberikan galakan dan peransang sehingga timbul perasaan minat, ketekunan dalam melakukan sesemuatu serta mendorong kepada peningkatkan keyakinan diri dan motivasi dalam menghadapi persekitaran luar dan prestasi pendidikan di sekolah (Jamal 1989).

Komunikasi berkesan antara ibu bapa dan remaja menghasilkan tahap keyakinan diri yang tinggi, peningkatan terhadap pencapaian akademik, afektif dan memiliki kesihatan mental yang baik dalam kalangan remaja. Jaringan hubungan sosial yang baik membolehkan remaja menerima pandangan positif mahupun negatif yang diberikan oleh keluarga serta boleh menyesuaikan diri.

Ibu bapa seharusnya berwibawa dan peka dengan perubahan-perubahan tingkahlaku anak-anak dengan memberikan galakan emosi dan mental, ransangan dan bimbingan dari segi pendidikan dan agama serta interaksi yang positif serta dua hala untuk menyelami sendiri perasaan anak-anak. Ibu bapa juga perlu menjalankan pemantauan bagi setiap aktiviti anak-anak dengan mengambil tahu pergerakan anak-anak.

Selain itu juga, menurut Johari (2007), memandangkan anak remaja berada di rumah, ia memudahkan ibu bapa untuk mempengaruhi anak remaja di samping memahami watak dan karenah anak remaja. Menurut Sofiah dan Mohd Fuad (2005) menyatakan pengalaman-pengalaman unik anak remaja adalah melalui interaksi individu dengan keluarga dan masyarakat luar. Oleh hal yang demikian, ibu bapa berperanan penting dalam membantu memberikan keyakinan, keberanian, mewujudkan sikap positif terhadap masalah, emosi dan keputusan.

Kini, maklumat tanpa sempadan semakin mendapat tempat dalam kalangan anak-anak remaja. Ibu bapa yang mempunyai kewangan kukuh serta mampu menyediakan keperluan seperti telefon pintar, komputer riba dan lain-lain seharusnya memantau penggunaannya dan memberi limitasi penggunaan kepada anak-anak. Pemantauan yang dilaksanakan seharusnya konsisten dan berterusnan serta tidak boleh memberikan kepercayaan kepada anak-anak seratus peratus terutamanya raka-rakan sosial anak-anak.

### ***KUALITI MASA***

Modenisasi sememangnya telah menyekat kebesaran kekeluargaan dengan melimitasikan masa yang ada bersama anak-anak. Namun begitu, ibu bapa yang positif akan mencari peluang untuk meluangkan masa yang berkualiti bersama anak-anak, keluar bersiar-siar atau melakukan perkelahan di pantai mahupun berjalan-jalan di pusat membeli-belah bagi merapatkan hubungan silaturrahim dengan anak-anak. Menurut Roslina (1999), komunikasi keluarga adalah suatu dimensi penting dalam perkembangan anak-anak.

Kualiti masa bukan sahaja dengan berada sepanjang masa bersama-sama dengan anak, namun kualiti masa lebih bersifat sentiasa berhubungan tidak kira dimana sahaja ibu bapa dan anak berada. Oleh hal yang demikian, interaksi berkesan sentiasa dimainkan kerana dengan aplikasi bergini, ia akan membolehkan anak-anak khususnya remaja merasakan kasih sayang ibu bapa dan sekaligus dapat membentuk emosi yang sihat (Mohamad Faizal et al. 2014).

Ibu bapa juga seharusnya

## KESIMPULAN

Kadar penglibatan remaja semakin serius kerana ia berpunca daripada faktor dalaman mahupun luaran. Kini, salahlaku remaja merupakan gejala sosial bukanlah suatu penyakit biasa tetapi ia sudah menjadi kudis yang semakin merebak dalam institusi negara serta boleh melumpuhkan kemajuan negara ekoran daripada generasi yang bakal mengambil alih tampuk kepimpinan tidak berfungsi sebagai remaja yang positif dengan baik. Sekiranya masalah ini tidak diatasi dengan segera, ia semakin sukar untuk diubati. Semua pihak haruslah bekerjasama untuk mengatasi gejala sosial ini.

Ibu bapa khususnya memainkan peranan yang sangat penting kerana mereka merupakan tulang belakang kepada kemajuan dan perkembangan sosial anak-anak serta pencorak kepada pembangunan sahsiah diri yang baik supaya anak-anak menjadi remaja yang mampu menyumbang pandangan, pendapat, tenaga kerja dan pembangunan dalam kemajuan negara.

Justeru itu, semua pihak haruslah bekerjasama untuk mencari solusi terbaik untuk memastikan tunjang harapan dan pembentukan negara yang stabil dan maju mengikut acuan Wawasan 2020 akan tercapai dengan mengimplementasikan remaja yang kuat dan mempunyai jati diri yang mampan.

## RUJUKAN

- Dzulhilmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. 2014. Pegangan Agama Dalam Kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum Di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 9(1): 117-130.
- McCullough, M.E., & Willoughby, L.B. 2006. Religion, Self-Regulation and Self Control: Association, Explainantion and Implication. *Psychological Bulletin* 135(1): 69-93.
- Wallace, J.M., Yamaguchi, R., Bachman, J.G., O'Malley, P.M., Schulenberg,J.E. & Johnston, L.D. 2007. He Role of Individual and Contextual Influences. *Social Problems Journal* 54(2): 308-327.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkahlaku: Ke arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahera. *Journal of Sciences and Humanities*. 7(1): 084-093.
- Amir Hassan Dawi. 2002. Penteorian Sosiologi dan Pendidikan. *Quantum Books*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Azizi Yahaya., Noordin Yahaya & Juriah Juriah @ Daing Junaidah. T.t. Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkahlaku Delikuen Pelajar Sekolah Bestari di Daerah Pontian.
- Maizatul Akmam. 2007. Perkaitan Antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkahlaku Delikuen Pelajar. S. Psikologi Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hoffman, L. 1996. Progress and Problems in the Study of Adolescence. *Development Psychology*. 32: 777-780

- Azzyati M.N., Fariza M.S., & Salasiah H.H. Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyat* 35(1): 111-119.
- Khadijah A., Salina N., Fauziah I., Noremy M.A., Mohd Suhaimi M., & Noorhasliza M.N. 2012. Hamil Luar Nikah dalam Kalangan Remaja. *Journal of Social Sciences and Humanities* 7(1): 131-140.
- Hart B.,& Hilton I. 1988. Dimension of Personality Organization as Predictors of Teenage Pregnancy Risk. *Journal of Personality Assessment* 52 (1): 116-132.
- Johari Talib. 2007. Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Kanak-Kanak. *Wacana Pengajian Umum*. 77-94.
- Zaleha Sulaiman. 1995. Pengurusan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar: Kes Empat Buah Sekolah Menengah di Negeri Kedah Darul Aman. Tesis Sarjana. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Ali Hassan. 2004. Masalah Disiplin dan Jenayah di kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah di Malaysia. *Nota Forum Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Juvana Menurut Perspektif Islam*, Institut Kefahaman Islam (IKIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 10-11 Februari.
- Bronfenbrenner, U. 1979. The Ecology of Family as a Context of Human Development: Experiments by Nature and Design. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Bandura, A. 1997. *Social Learning Theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Jamsiah M.,& Hazlinda H. 2009. Faktor Pendorong Salahlaku Sosial dalam Kalangan Remaja dalam Daerah Melaka Tengah. *Journal of Community Health* 15(1): 21-31.
- Roslina B. 1999. Komunikasi Keluarga dan Salah Laku Remaja. Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Faizal M.,& Mohd Zaki I. 2014. Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*. 11 Disember 2014.
- Zulkiffly Ahmad. 2006. Jenayah Seksual. Mostagain Resources Publications.
- Shamsaad Sholeh & Abdullah Sulaiman. 2006. Konflik Remaja Masa Kini dan Cabaran Menanganinya. Kolej Universiti Universiti Tun Hussein Onn.
- Zainudin S., & Norazmah M.R. 2011. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai LEreh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.
- Zainal M & Mohd Sharani A. 2004. Panduan Mengurus Remaja Moden. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Arief S.R & Wardah M. 2006. Membentuk jati Diri Remaja. Bentong: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Calhoun, G., Jurgens, J.,&Chen, F. 1993. Juvenile Delinquency: Trends, Problems and Causes. Seminar Delikuensi Juvana. Kementerian Pendidikan Malaysia.

---

\_\_\_\_0000\_\_\_\_